

Berikut ialah urus niaga Syarikat Irene Han yang memulakan perniagaan pada bulan Mac 2018.

- Mac 1 Memulakan perniagaan dengan RM 7500 dalam bank.
- 4 Membeli perabot bernilai RM 1220 daripada Syarikat Woods secara kredit.
- 7 Membeli sebuah van kecil berharga RM 6200 melalui pinjaman bank sebanyak RM 5000. Bakinya dibayar dengan cek.
- 10 Mendapat pinjaman RM 5000 daripada Bank Sani dan wang itu dibankkan.
- 12 Membeli barang bernilai RM 1730 secara kredit.
- 15 Memulangkan sebahagian daripada prabot bernilai RM 160 yang rosak kepada Syarikat Woods.
- 18 Membeli lagi prabot berharga RM 320 dengan cek.
- 20 Membayar sewa kedai sebanyak RM 940 dengan cek.
- 22 Menambah modal dengan membawa masuk wang sebanyak RM 8650 ke dalam bank.
- 23 Menjual barang berkos RM 780 pada harga RM 1000 secara kredit.
- 24 Membayar cek RM 1630 kepada pemiutang untuk menjelaskan hutang sebanyak RM 1730.
- 25 Menjual van yang telah dibeli pada 7 Mac kerana selalu rosak dan menerima cek RM 5280.
- 26 Mengambil barang bernilai RM 210 untuk kegunaan sendiri
- 28 Membayar balik pinjaman bank dengan cek.
- 30 Menerima cek daripada penghutang bernilai RM 950 untuk menjelaskan hutang bagi barang yang dibeli pada 23 Mac.

Sila rekodkan urus niaga di atas dengan menggunakan jadual di bawah dan jumlahkan lajur pada 31 Mac 2018.

[illegible]

